

BEBASKAN UDARA KITA DARIPADA DICEMARI ASAP ROKOK BERACUN

Oleh: Nur Ainul Bara'ah Binti Mohd Nor, 1171246
Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
Disiarkan pada 6 April 2020



Merokok adalah amalan tidak sihat yang bukan sahaja menjadi tabiat sebahagian lelaki malah turut melibatkan kaum wanita. Tabiat yang tidak baik ini memudaratkan mereka yang menghisap rokok dan perokok pasif yang menyedut udara dicemari asap rokok.

Rokok juga menimbulkan 'gangguan dalam diam' terutamanya jika dihisap di tempat-tempat yang tertutup. Keadaan sebegini adalah amat berbahaya dan mencemarkan kualiti udara tempat tersebut. Sesiapa yang terhidu asap rokok boleh berdepan masalah kesihatan seperti kanser paru-paru, penyakit jantung, strok dan asma.

Komplikasi-komplikasi kesihatan tersebut yang berpunca daripada bahan-bahan kimia yang terkandung dalam rokok seperti nikotin, karbon monoksida, asid asetik dan metana boleh

menyebabkan kerusakan pada tisu serta organ dalam tubuh manusia seperti jantung dan paru-paru.

Penyakit-penyakit lain adalah gangguan pada pertumbuhan paru-paru, kecacatan pendengaran, tahap kecerdasan rendah dan masalah kawalan motor. Lebih membimbangkan, kanak-kanak yang terhidu asap rokok berisiko tinggi mengalami penyakit-penyakit tersebut.

Sebagai perbandingan, kajian mendapati kanak-kanak yang terdedah dengan asap rokok mencatatkan skor darjah kecerdasan otak (IQ) sebanyak 2.87 mata lebih rendah daripada kanak-kanak yang tidak berdepan situasi serupa. Akibatnya, kanak-kanak terabit mempunyai kebarangkalian yang lebih tinggi untuk mengalami masalah pembelajaran.



Bagi ibu-ibu yang merokok semasa mengandung, bayi mereka berdepan risiko keguguran, lahir tidak cukup bulan, mati dalam kandungan dan mempunyai berat badan yang tidak normal.

Apabila seseorang wanita yang hamil merokok atau terdedah dengan asap rokok, bahan-bahan kimia yang ada dalam rokok akan memasuki salur darah dan mencemarkan kandungan cecair

darah. Oleh kerana bayi di dalam kandungan mempunyai perhubungan terus dengan darah ibu, bahan-bahan toksik dari asap rokok akan meresap terus kepada bayi melalui salur darah plasenta.

Berdasarkan kajian-kajian yang dilakukan pelbagai pihak, wanita dan kanak-kanak merupakan antara golongan yang paling ramai menderita akibat diserang penyakit bahaya kesan pencemaran asap rokok daripada perokok-perokok tegar di sekeliling mereka.

Pada awal Mac 2018, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mendedahkan bahawa lebih tujuh juta orang meninggal dunia setiap tahun akibat merokok atau menghidu asap rokok. Tabiat merokok juga menyebabkan satu kematian bagi setiap enam saat.

Sehubungan itu, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia yang bersidang pada 23 Mac 1995 telah bersetuju untuk memutuskan bahawa merokok adalah haram dari pandangan Islam kerana membawa kemudaratan terhadap masyarakat.

Malangnya, sebahagian besar perokok di negara ini adalah umat Islam. Sikap mereka itu seolah-oleh tidak mengendahkan fatwa pengharaman merokok yang telah dikeluarkan.

Sewajarnya, undang-undang berkaitan larangan dan pengharaman merokok perlu dikuatkuasakan sepenuhnya bagi menghentikan tabiat yang buruk itu dalam kalangan rakyat Malaysia. Mereka yang tidak merokok berhak menikmati udara yang segar tanpa dicemari asap rokok yang beracun.